



IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,
MALAYSIA,
LEBUH AWASAN, PRESINT 7,
62250 PUTRAJAYA

Telefon : 603-88880036
Faks : 603-88927977
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : bkkjbpm@bomba.gov.my



DITEX	16/6
27 JUN 2015	
DITEX - DEPARTEMEN KEBAKARAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	
16/6	

Ruj Tuan :
Ruj Kami :
Tarikh :
JBPM/IP/BKK:700-1/1/1()
30 Jun 2015

YS Pengarah,

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Labuan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Putrajaya

YS Dato'/Tuan,

**GARIPANDUAN KEPERLUAN KESELAMATAN KEBAKARAN BAGI
PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK / TASKA / TABIKA**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dilampirkan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2015 berkaitan Garispanduan Keperluan Keselamatan Kebakaran Bagi Pusat Asuhan Kanak-Kanak / Taska / Tabika untuk makluman dan tindakan pihak YS Dato'/tuan.

Pn. Marline

Eden & Hindleka
Permatang Sungei
Legawai

pp. Beli

UKL hindleka

"CEPAT DAN MESRA"



24/7
PA

3. Untuk makluman YS Dato'/tuan, berdasarkan kepada Perintah Tetap ini semua had ketinggian maksima yang dibenarkan adalah di aras 5 atau 18.3 meter dan proses perakuan pelan adalah seperti berikut:-


- 3.1 Aras tiga (3) dan kebawah hendaklah dikemukakan ke Ibu Pejabat negeri,
- 3.2 Aras empat (4) dan lima (5) hendaklah dikemukakan ke Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Malaysia.

4. Sehubungan itu pemakaian garispaduan ini adalah berkuatkuasa dari tarikh ianya ditandatangani.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"1 Malaysia" Rakyat didahulukan. Pencapaian diutamakan.

Saya yang menurut perintah,


(DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD)
Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

- s.k i. YAS Ketua Pengarah
 ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
 iii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH

BILANGAN 1 TAHUN 2015

GARISPANDUAN KEPERLUAN KESELAMATAN KEBAKARAN BAGI PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK / TASKA / TABIKA

1. TUJUAN

Arahan ini bertujuan untuk:-

- 1.1 Menjelaskan jenis-jenis premis yang sesuai untuk dijadikan Pusat Asuhan Kanak-Kanak/Taska/Tabika.
- 1.2 Menentukan lokasi dan aras ketinggian yang dibenarkan untuk Pusat Asuhan Kanak-Kanak/Taska/Tabika.
- 1.3 Menentukan keperluan keselamatan kebakaran bagi premis yang ingin dijadikan Pusat Asuhan Kanak-Kanak/Taska/Tabika.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Penubuhan Pusat Asuhan Kanak-Kanak / Taska / Tabika di tempat kerja atau kawasan berhampiran dengan tempat kerja merupakan salah satu langkah bagi memudahkan ibu-bapa mengurus penjagaan anak-anak dan dalam masa yang sama dapat meningkatkan kualiti masa bekerja mereka.
- 2.2 Kecenderungan menyediakan Pusat Asuhan Kanak-Kanak / Taska / Tabika di tempat kerja ini samada di bangunan setingkat, dua tingkat atau tingkat yang lebih tinggi telah disyorkan dan digalakkan oleh pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- 2.3 Walau bagaimanapun aspek keselamatan kebakaran perlu diambilkira iaitu dengan memastikan aspek keselamatan kebakaran berada di tahap yang baik dan memuaskan.
- 2.4 Pada keadaan semasa lokasi Pusat Asuhan Kanak-Kanak / Taska / Tabika hanya dijalankan di balai raya/dewan masyarakat, di rumah kediaman (seperti rumah teres, rumah berkembar dan rumah banglo).

3. TAFSIRAN

3.1 Aras Ketinggian

Penetuan aras adalah bermula dengan aras tanah (groundfloor) dengan aras tanah merupakan aras satu dan seterusnya.

3.2 Penjaga

Penjaga adalah penjaga bayi/kanak-kanak termasuklah pekerja tetap di Pusat Asuhan Kanak-Kanak / Taska / Tabika.

4. PERATURAN DAN KOD AMALAN

- 4.1 Asasnya keperluan keselamatan kebakaran bagi Pusat Asuhan Kanak-Kanak / Taska / Tabika ditentukan dengan merujuk kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984.
- 4.2 Bagaimana pun rujukan juga dibuat kepada peraturan dan kod-kod amalan berikut:-
 - 4.2.1 *Sarawak Building Ordinance 1994.*
 - 4.2.2 *Malaysian Standard (MS) 1539.*
 - 4.2.3 *National Fire Protection Association (NFPA) 101- Life Safety Building Code.*
 - 4.2.4 *National Fire Protection Association (NFPA) 220- Standard on Types of Building Construction.*
 - 4.2.5 *British Standard (BS) 476: Part 6- Method of Test for Fire Propagation for product.*
 - 4.2.6 *Singapore Fire Code*

5. KEPERLUAN KESELAMATAN KEBAKARAN

- 5.1 Keperluan keselamatan kebakaran am:-
 - 5.1.1 Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) jalan keluar keselamatan termasuk tangga keselamatan.
 - 5.1.2 Menghadkan jumlah kependudukan di dalam sesuatu ruang berdasarkan kepada Jadual KeTujuh, UUKBS 1984.
 - 5.1.3 Semua pintu yang digunakan sebagai pintu keluar daripada mana-mana bahagian Pusat Asuhan Kanak-

Kanak / Taska / Tabika atau menuju ke kawasan terbuka, hendaklah hanya membuka ke arah keluar.

- 5.1.4 Dalam mana-mana bangunan yang hendak dijadikan Pusat Asuhan Kanak-Kanak / Taska / Tabika, tempat keluar ke jalan atau ruang terbuka yang besar, bersama dengan tangga, koridor dan lorong yang menuju ke tempat keluar itu hendaklah ditempatkan berasingan atau terlindung untuk mengelakkan apa-apa bahaya yang tidak sewajarnya kepada penduduk pusat tersebut daripada api yang berpunca dalam pendudukan yang lain atau asap daripadanya.
- 5.1.4 Semua pintu keluar dan laluan keluar yang dilalui oleh penduduk Pusat Asuhan Kanak-Kanak / Taska / Tabika dalam perjalanan ke kawasan terbuka hendaklah tidak dihalang, tidak berkunci, berselak atau mempunyai pepasangan lain sepanjang tempoh pendudukan.
- 5.1.5 Semua tempat keluar kecemasan hendaklah diadakan tanda 'KELUAR' dan hendaklah diterangi berterusan sepanjang tempoh pendudukan.
- 5.1.6 Suatu tanda pembacaan 'KELUAR' dengan anak panah yang menunjukkan arah, hendaklah diletakkan di tiap-tiap tempat di mana arah perjalanan menuju pintu keluar yang terdekat sekali tidak kelihatan dengan serta merta.
- 5.1.7 Dinding pengasing atau dinding petak hendaklah mempunyai ketahanan api tidak kurang dua jam.

- 5.1.8 Dinding dalaman hendaklah mempunyai ketahanan api tidak kurang setengah jam.
- 5.1.9 Kemasan dinding dalaman hendaklah dari jenis ‘*Surface spread of flame*’ iaitu kelas ‘O’ berdasarkan kepada BS 476: Part 6- *Method of Test for Fire Propagation for product*.
- 5.1.10 Pusat Asuhan Kanak-Kanak / Taska / Tabika yang menjalankan aktiviti selepas waktu gelap adalah dikehendaki menyediakan pencahayaan kecemasan.
- 5.1.11 Mengadakan alat pemadam api jenis debu kering merujuk MS 1539: Part 3- *Selection and Installation*.
- 5.1.12 Hendaklah memastikan sistem keselamatan kebakaran yang sediada dalam premis yang dicadangkan untuk menubuhkan Pusat Asuhan Kanak-Kanak / Taska / Tabika diselenggara secara berkala dan didokumenkan serta semua sistem tersebut berada dalam keadaan baik.
- 5.1.13 Tidak dibenarkan menjalankan sebarang aktiviti memasak dalam Pusat Asuhan Kanak-Kanak / Taska / Tabika.
- 5.1.14 Tidak dibenarkan Pusat Asuhan Kanak-Kanak / Taska / Tabika sama tingkat dimana terdapatnya restoran, medan selera, cafe, bistro dan seumpamanya.
- 5.1.15 Lokasi atau penempatan premis yang hendak dijadikan Pusat Asuhan Kanak-Kanak / Taska / Tabika

hendaklah tidak berada di kawasan yang berisiko tinggi.

- 5.1.16 Pengusaha Pusat Asuhan Kanak-Kanak / Taska / Tabika hendaklah menyediakan dokumen prosedur kecemasan kebakaran bagi pusat mereka.
- 5.1.17 Mengadakan latihan pengunsian bangunan sekurang-kurangnya dua kali setahun melalui pemantauan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

6. Had Aras Ketinggian Lokasi

Had aras ketinggian yang dibenarkan adalah berdasarkan kepada kategori pembinaan seperti Jadual 1. Pada dasarnya kebenaran yang diberikan adalah kedudukan untuk menempatkan Pusat Asuhan Kanak-Kanak / Taska / Tabika, tetapi bukan pusat tersebut dibina sehingga lima (5) aras.

No.	Kategori Pembinaan	Had Ketinggian Yang Dibenarkan
1.	i. Bangunan yang dibina dari bahan binaan yang tidak mudah terbakar (non combustible) dan dilengkapi dengan sistem semburan air automatik. (sprinkler system) dan sistem pengurusan asap. ii. Bangunan hanya digunakan untuk	Aras 4 dan 5 atau tidak melebihi 18.3 meter

No.	Kategori Pembinaan	Had Ketinggian Yang Dibenarkan
	<p>kegunaan pejabat sahaja.</p> <p>iii. Penempatannya juga hendaklah menghubungkan terus ke tangga keselamatan kebakaran untuk tujuan pelepasan diri.</p> <p>iv. Penempatannya diasingkan dari kependudukan lain dengan dinding petak yang mempunyai ketahanan api tidak kurang dari empat (4) jam.</p>	
2.	Bangunan yang dibina dari bahan binaan yang tidak mudah terbakar (<i>non combustible</i>) tetapi tidak dilengkapi dengan sistem semburan air automatik. (<i>sprinkler system</i>).	Sehingga Aras 3
3.	Bangunan yang dibina sepenuhnya dari bahan kayu (<i>timber material</i>)	Aras 1
4.	Pusat Membeli Belah (<i>Shopping Mall</i>)	Aras 1
5.	Lain-lain Jenis Pembinaan	Sehingga Aras 2

*Sumber: National Fire Protection Association (NFPA) 220- Types of Building Construction

Jadual 1 : Menunjukkan had ketinggian yang dibenarkan berdasarkan kategori pembinaan

7. NISBAH PENJAGA DAN KANAK-KANAK

Nisbah penjaga kepada kanak-kanak yang sesuai bagi pusat asuhan kanak-kanak / taska / tabika di bangunan tinggi adalah berdasarkan Jadual 2 di bawah:-

Nisbah Penjaga Dan Bayi/Kanak-Kanak	Had Umur (Bulan)
Kanak	
1 : 3	0-24
1 : 4	25-36
1 : 7	37-60
1:10	61-96
1:12	8 tahun ke atas

*Sumber: National Fire Protection Association (NFPA) 101- Life Safety Building Code

Jadual 2 : Menunjukkan nisbah penjaga dan bayi/kanak-kanak mengikut had umor.

8. PROSES PERAKUAN PELAN

Proses perakuan pelan pembangunan baru atau pelan pindaan Arkitektural dan Mekanikal & Elektrikal bagi tujuan semakan dan kelulusan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia hendaklah mengikut seperti berikut;

- 8.1 Aras tiga (3) dan ke bawah hendaklah dikemukakan ke Ibu Pejabat JBPM negeri,

8.2 Aras empat (4) tingkat dan lima (5) atau tidak melebihi 18.3 meter dari aras akses perkakas bomba hendaklah dikemukakan ke Ibu Pejabat JBPM.

9. TARIKH KUATKUASA

- 9.1 Pemakaian Perintah Tetap Ketua Pengarah ini berkuatkuasa bermula dari tarikh ianya ditanda tangani.
- 9.2 Secara automatik ianya membatalkan Panduan Pencegahan Kebakaran Di Taman Asuhan Kanak-Kanak yang dikeluarkan pada tahun 2007.

10. PENUTUP

Perintah Tetap ini merupakan garis panduan umum yang boleh dijadikan rujukan dalam menentukan aspek perlindungan dan keselamatan kebakaran di Pusat Asuhan Kanak-Kanak / Taska / Tabika berada di tahap minima.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATUK WIRA HJ. WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM)

Ketua Pengarah,

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh;

